

U B788 DEB

MT - MUZAKARAH

KUALA LUMPUR, 3 MEI (BERNAMA) -- MUZAKARAH UMNO - PAS BARU-BARU INI SEMATA-MATA UNTUK Mencari jalan mengurangi ketegangan antara kedua-dua parti, terutamanya menjelang pilihan raya umum, kata Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pengenduran ketegangan kedua-dua parti perlu demi mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini seperti yang berlaku di Padang Terap daripada berulang.

+ Kita tidak mahu ketegangan UMNO - PAS ini meningkat sehingga mungkin menjadi rusuhan pada masa pilihan raya umum diadakan nanti, + tegas Perdana Menteri pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Datuk Onn hari ini.

Beliau berkata, MT menganggap muzakarah itu sudah memadai dan pertemuan-pertemuan selanjutnya akan diadakan jika didapati perlu.

Ketika mengulas kenyataan salah sebuah parti komponen Barisan Nasional kononnya UMNO mengamalkan +double standard+ dalam menghadapi PAS, beliau berkata, dakwaan itu timbul kerana mereka (parti berkenaan) tidak mendapat maklumat tepat mengenainya.

(Parti berkenaan berkata UMNO meminta parti-parti komponen BN menjauhi PAS tetapi UMNO sendiri mengadakan pertemuan dengannya.) -- LAGI.

1517MST 03 05 86

D960

U B789 DEB

MT - MUZAKARAH 2 KUALA LUMPUR

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, UMNO tetap menentang PAS dan ini terbukti daripada kecaman-kecaman beliau terhadap parti itu sebagaimana tuduhan beliau bahawa parti itu +tidak tepat dalam perkataan mereka+.

Beliau menarik perhatian mengenai dakwaan adik Allahyarham Ibrahim Libya (Ismail Libya) yang mendakwa kononnya dia diugut untuk membuat pengakuan di televisyen.

+ Dalam televisyen, dia jelas bercakap panjang dan begitu lancar menjawab tiap-tiap soalan dan jelas tidak ada orang yang memegang pistol dekatnya.

+ Mustahil kerajaan nak buat kerja macam itu, + tegas beliau.

Perdana Menteri berkata, walaupun akhbar-akhbar menyalahafsirkan kenyataan beliau itu dengan menunjukannya kepada Timbalan Yang Dipertua Agung parti itu Haji Fadzil Nor tetapi kenyataan itu sebenarnya ditujukan kepada Ismail Libya. -- LAGI.

1518MST 03 05 86

U 8795 DEB

MT - MUZAKARAH 3 KUALA LUMPUR

KETIKA MENJELASKAN DAKWAAN BEBERAPA PEMIMPIN PAS BAHAWA MEREKA TIDAK DIJEMPUT MENYERTAI MUZAKARAH ITU, BELIAU BERKATA, JEMPUTAN MELALUI SURAT YANG MEMPUNYAI LOGO UMNO KEPADA PEMIMPIN PARTI ITU MEMANG TIDAK ADA.

+ UNDANGAN KEPADA YANG DIPERTUA AGUNG HAJI YUSUF RAWA DAN HAJI FADZIL NOR JUGA SAMA IAITU MELALUI ENCIK ANWAR IBRAHIM (KETUA PERGERAKAN PEMUDA UMNO), + KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR ITU BAHAWA JEMPUTAN KEPADA NAIB YANG DIPERTUA AGUNG HAJI HADI AWANG JUGA TELAH DIBERIKAN TETAPI BELIAU (HAJI HADI) ENGGAN HADIR.

+ KITA JEMPUT SEMUA TETAPI KALAU DIA (HAJI HADI) TIDAK JUMPA, ITU MASALAHNYA SENDIRI, + KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU MENYEDARI ADA BEBERAPA PEMIMPIN YANG JUJUR DALAM PAS TETAPI MEREKA YANG TIDAK JUJUR ITU KELIHATAN GELISAH DAN MENCUBA MENGGAGALKAN PERTEMUAN ITU.

+ KALAU ADA YANG BUAT TAFSIRAN BURUK TERHADAP USAHA YANG BAIK, ITU TIDAK DAPAT DIELAKKAN LAGI KERANA KALAU KITA MEMBUAT KEBAJIKAN PUN, ADA YANG BERKATA IA DIBUAT KERANA SESUATU SEBAB LAIN, + KATA BELIAU. -- LAGI.

1541MST 03 05 86

D975

U 8796 DEB

MT - MUZAKARAH 4 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN TAMBAH DATUK SERI DR MAHATHIR, KEDUA-DUA PARTI BERKENAAN BERSETUJU UNTUK TIDAK MENGHEBUH-HEBUHKAN BERITA MUZAKARAH YANG DIADAKAN DI KEDIAMAN RASMI PERDANA MENTERI, SERI PERDANA ITU.

+ KAMI BERHAJAT UNTUK TIDAK MENDAPAT PUBLISITI MENGENAI MUZAKARAH ITU DAN TIDAK MAHU MEMBUAT KENYATAAN AKKBAR MENGENAINYA, TETAPI CERITA TELAH BOCOR KEPADA SEBUAH AKHBAR TABLOID, + KATANYA.

BELIAU MENJELASKAN BAHAWA ENCIK ANWAR TERPAKSA MENJELASKAN MUZAKARAH ITU PADA CERAMAH-CERAMAH UMUMNYA KERANA ADA PARA PEMIMPIN PAS YANG MENAFIKAN BERLANGSUNGNYA MUZAKARAH ITU.

PERDANA MENTERI SEKALI LAGI MENEGASKAN BAHAWA MUZAKARAH ITU TIDAK ADA KENA MENGENA DENGAN PELAWAN TERHADAP PAS UNTUK MENYERTAI BN. -- BERNAMA

1541MST 03 05 86